

Peranan Masyarakat Arab Terhadap Ekonomi Kolonial di Singapura: Antara Implikasi dan Perspektif British, 1820-1940

The Role of the Arab Community in the Colonial Economy in Singapore: Between British Implications and Perspectives, 1820-1940

Muhammad Naim Fakhirin Rezani

Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Terengganu.

*Corresponding author: naim_fakhirin@yahoo.com

Received: 19 March 2025; Accepted: 6 May 2025

Abstrak

Kajian ini membincangkan perkembangan ekonomi Singapura setelah wilayah ini ditadbir oleh British dengan memberi tumpuan terhadap aspek peranan masyarakat Arab tempatan dalam tempoh 1820 hingga 1942. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, penglibatan masyarakat Arab dalam ekonomi Singapura berjaya menjadikan wilayah ini sebagai pelabuhan yang pesat untuk kegiatan perdagangan, sekali gus berjaya menjadikan ekonomi Singapura antara ekonomi terbesar dunia dalam tempoh tersebut. Kajian ini ditulis dengan menggunakan sumber primer dari *The National Archives*, Kew, London sebagai sumber utama penulisan. Selain itu, penulisan turut menggunakan dokumen dari Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, terutamanya yang melibatkan catatan oleh individu yang terlibat secara langsung seperti *Hikayat Abdullah* oleh Abdullah Munshi bagi mendapatkan kesinambungan dengan dokumen sumber primer tersebut. Dapatan hasil kajian ini merumuskan peranan utama yang dilakukan oleh masyarakat Arab tempatan melalui penglibatan ekonomi di Singapura adalah sebagai pengusaha komoditi, pemodal dan pelabur kerajaan. Kedua-dua peranan ini memberi impak yang besar terhadap kemajuan ekonomi Singapura, terutamanya perkara yang melibatkan kepesatan perdagangan dari Timur Tengah dan Eropah. Selain itu, dapatan kajian ini turut membincangkan perspektif British terhadap masyarakat Arab tempatan berdasarkan kepada penglibatan komuniti itu terhadap ekonomi Singapura.

Kata kunci: Singapura; British; ekonomi; Arab; perdagangan; kolonial

Abstract

This study examines the development of Singapore's economy following the establishment of British administration, with a particular focus on the role of the local Arab community from 1820 to 1942. The research finds that the Arab community's involvement in Singapore's economy contributed significantly to transforming the region into a thriving trading port, thereby helping make Singapore one of the most dynamic economies in the world during that period. Primary sources from the National Archives, Kew, serve as the main basis for this study. In addition, materials from the Pusat Manuskrip Melayu, National Library of Malaysia, were consulted, especially personal notes and accounts by individuals directly involved in

contemporary events, such as Hikayat Abdullah by Abdullah Munsyi, to provide continuity with the primary source materials. The findings highlight the major roles played by the local Arab community in Singapore's economy, namely as commodity traders, capitalists, and government investors. These roles had a substantial impact on Singapore's economic growth, particularly in facilitating the expansion of trade between the Middle East and Europe. Furthermore, this study also discusses the British perspective on the local Arab community, based on their economic participation in colonial Singapore.

Keywords: *Singapore; British; economy; Arab; trades; colonial*

Pengenalan

Pembentukan masyarakat majmuk di Singapura bermula pada pertengahan 1830-an akibat dari limpahan ekonomi yang pesat di wilayah tersebut (Mathews, 2017). Pada 1819, British mula mengambil alih Singapura dari Kesultanan Melayu Johor-Riau-Lingga. Perebutan takhta dan masalah dalaman lain yang berlaku di Johor membuka ruang untuk British mendapatkan Singapura dari Johor (Turnbull, 2005). Dalam tempoh itu, British sedang mencari sebuah pelabuhan baharu kerana pelabuhan milik British di Bengkulu terlalu jauh untuk dihubungkan dengan pelabuhan di Pulau Pinang (IOR/G/34/10, 1823). Oleh itu, kekacauan yang berlaku di Johor menjadi peluang keemasan terhadap British untuk campur tangan dan alasan yang diberikan oleh penjajah tersebut adalah mengugat perniagaan mereka di Pulau Pinang dan Bengkulu (Abdullah, 1997).

Kekacauan yang berlaku di Johor akibat dari perebutan takhta antara Tengku Abdul Rahman dan Tengku Hussain setelah kemangkatan ayahanda mereka, Sultan Johor, Sultan Mahmud III (1761-1812). Mengikut adat Kesultanan Melayu, putera lelaki sulung, Tengku Hussein sepatutnya dilantik sebagai Sultan Johor yang baharu setelah berlakunya kemangkatan Sultan sedia ada. Namun begitu, Tengku Hussein berada di Pahang ketika kemangkatan Sultan Mahmud III. Oleh itu adindanya Tengku Abdul Rahman dilantik sebagai Sultan Johor yang baharu (Trcocki, 2007). British menggunakan peluang ini untuk campur tangan dan menjanjikan kepada Tengku Hussein untuk dilantik semula sebagai Sultan dengan syarat hak ke atas Singapura diserahkan kepada mereka (Abdullah, 1997). Oleh itu, pada tempoh pererbutan takhta itu, British memberi sokongan supaya Tengku Hussein dilantik sebagai Sultan dan menjanjikan bantuan perlindungan kepada beliau (Trcocki, 2007). Perlantikan Tengku Hussein sebagai Sultan Johor merupakan kemenangan terhadap British kerana kuasa kolonial bukan sahaja berjaya mengukuhkan kedudukan di Singapura, malah mengenepikan Belanda sebagai kuasa Barat yang berpengaruh di Johor (Trocki, 2007).

Sejak Singapura diserahkan kepada British secara rasmi pada 1819, kuasa kolonial itu berjaya menjadikan Singapura sebagai pelabuhan yang strategik. Ini kerana kedudukannya terletak ditengah laluan perdagangan antarabangsa antara India dan China serta dari Timur ke Eropah (Kwa, 2021). Limpahan ekonomi yang pesat di Singapura menyebabkan berlakunya diaspora pelbagai masyarakat ke wilayah tersebut dan seterusnya menyebabkan pembentukan masyarakat majmuk di Singapura. Antara masyarakat yang berhijrah ke Singapura akibat dari keperluan ekonomi adalah masyarakat Arab. Pada 1820, jumlah masyarakat Arab yang menjadikan Singapura sebagai petempatan baharu berjumlah 463 orang dan jumlah ini sentiasa meningkat (IOR/F/4/1271/51002A, 1830), Sehingga tahun 1940, jumlah masyarakat Arab di Singapura adalah seramai 3,492 orang (FCO 141/15135, 1959). Jumlah yang ramai ini membolehkan masyarakat Arab membentuk komuniti baharu dan memainkan peranan yang penting terhadap sektor ekonomi di Singapura seperti pengusaha komoditi, orang tengah perdagangan, pemodal serta pelabur kerajaan. Peranan yang ditonjolkan oleh masyarakat Arab

terhadap ekonomi ini menyebabkan berlakunya implikasi terhadap wilayah tersebut, terutamanya peningkatan kegiatan perdagangan yang melibatkan Timur Tengah.

Metodologi

Kajian yang dilakukan berkenaan peranan masyarakat Arab terhadap ekonomi Singapura ini menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan pendekatan sejarah. Sumber utama yang digunakan dalam perbincangan kajian adalah sumber primer iaitu dokumen rasmi yang belum diolah meliputi laporan dan catatan pegawai British secara rasmi melalui fail *Colonial Office* (CO), *Foreign Commonwealth Office* (FCO) dan *Indian Office Records* (IOR) yang diperoleh dari *National Archives*, Kew bagi mendapatkan kesinambungan dari kajian yang dilakukan. Selain itu, kajian ini turut menggunakan dokumen dari Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, terutamanya melibatkan catatan yang dilakukan oleh individu yang terlibat secara langsung seperti Hikayat Abdullah oleh Abdullah Munsyi. Kesemua dokumen yang dinyatakan tersebut dianalisis secara tematik seperti yang dicadangkan oleh Ranke (2010). Kaedah analisis dokumen ini melibatkan dua peringkat iaitu mengenal pasti dokumen yang relevan dengan kajian dan membandingkan dokumen-dokumen tersebut itu bagi memastikan data yang kukuh. Misalnya penggunaan dokumen *Colonial Office* dan *Foreign Office* dipilih kerana kedua-dua dokumen ini mengandungi minit mesyuarat dan catatan mengenai ekonomi British di Singapura dalam tempoh 1820-1940. Penggunaan sumber primer tersebut penting sebagai bukti utama yang memperincikan penglibatan masyarakat Arab terhadap ekonomi Singapura, terutamanya perkara yang melibatkan peranan yang dilakukan serta implikasi yang berlaku.

Kajian Literatur

Kajian mengenai sejarah dan masyarakat majmuk di Singapura telah banyak dilakukan oleh sarjana terdahulu. Namun begitu, kajian yang dilakukan adalah bersifat umum dan tidak membincangkan mengenai penglibatan masyarakat Arab dengan lebih terperinci. Antara kajian tersebut adalah Sumit K. Mandal, 2018, *Becoming Arab Creole Histories and Modern Identity in the Malay World*. Walaupun kajian ini membincangkan kedatangan masyarakat Arab ke Singapura, Pulau Jawa dan Tanah Melayu dengan menyatakan faktor-faktor utama penghijrahan seperti peluang ekonomi, namun kajian ini tidak memperincikan peranan atau tindakan yang dilakukan oleh masyarakat Arab setelah penghijrahan tersebut berlaku. Begitu juga kajian oleh Ameen Talib, *Sustaining Relationships Between Diaspora and Homeland: The Case of Singapore Hadhramis*, turut membincangkan kedatangan masyarakat Arab ke Singapura dengan mengemukakan teori kedatangan komuniti ini ke Alam Melayu melalui utusan pemimpin tempatan terutamanya pembesar dan Sultan Negeri-Negeri Melayu yang ada ketika itu seperti Kesultanan Johor, Aceh dan Pasai. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak memperincikan peranan yang dilakukan oleh masyarakat Arab di Singapura, sekali gus menjadikan kelompongan yang perlu dimurnikan semula dengan kajian baharu.

Manakala kajian oleh Yasser Mattar, *Arab Ethnic Enterprises in Colonial Singapore: Market Entry and Exit Mechanisms 1819-1965* dan kajian oleh Omar Nasr, *Hadhrami Arabs in Britain's Policy Towards Muslims in Malaya Before the Japanese occupation, 1939-1941* membincangkan mengenai perniagaan yang diusahakan oleh masyarakat Arab di Singapura. Walaupun begitu, kedua-dua kajian ini tidak memperincikan peranan yang dilakukan oleh masyarakat Arab terhadap ekonomi Singapura, menyebabkan kajian yang dilakukan tidak membincangkan hubungkait masyarakat Arab dan ekonomi Singapura secara menyeluruh.

Kajian oleh Syed Khairudin Aljunied, *"The Role of Hadramis in Post-Second World War Singapore: A Reinterpretation Immigrants & Minorities"* membincangkan peranan

masyarakat Arab di Singapura, namun aspek yang diberikan tumpuan adalah dalam sosial masyarakat. manakala kajian oleh Mohammad Redzuan Othman, *“The Arabs Migration and Its Importance in the Historical Development of the Late Nineteenth and Early Twentieth Century Malaya”* pula menyatakan kedatangan masyarakat Arab ke Asia Tenggara, terutamanya Tanah Melayu dan Pulau Jawa menyebabkan berlakunya perubahan terhadap adat resam dan norma hidup. Walaupun begitu, kajian ini tidak menyatakan kesan kedatangan masyarakat Arab terhadap ekonomi, terutamanya dalam konteks Singapura itu sendiri.

Dapatan kajian Stephanie Po Yin Chung, *Creating ‘Family’ Networks across Time and Space: The Alsagoffs in Singapore, 1824–2009* dan kajian oleh Po Yin Chung, *Transcending Borders: The story of the Arab Community in Singapore, 1820-1980s* memperlihatkan perbezaan berbanding kajian yang dinyatakan pada peringkat awal kerana kedua-dua kajian ini membuktikan masyarakat Arab di Singapura berjaya mengaut keuntungan melalui perniagaan dan berjaya meletakkan keluarganya sebagai antara yang paling berpengaruh di Singapura iaitu keluarga al-Sagoff melalui peranan dari Syed Abdur Rahman, Syed Ahmad dan Syed Mohamed. Walaupun begitu, kajian ini tidak membincangkan implikasi yang berlaku terhadap ekonomi Singapura, lebih-lebih lagi selepas keluarga al-Sagoff ini menguasai bidang perniagaan tertentu di Singapura.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh sarjana terdahulu ini, terdapat beberapa aspek perlu dilakukan semula penambahbaikan supaya dapat memperincikan sejarah yang melibatkan komuniti itu di Singapura. Sehubungan dengan perkara itu, sebuah kajian baharu mengenai masyarakat Arab akan perincikan semula supaya peranan yang dilakukan oleh komuniti itu dapat dibincangkan dengan lebih lanjut dalam kajian yang akan dilakukan. Selain itu, dapatan dari perincian peranan yang dilakukan ini, sekali gus akan membincangkan implikasi yang berlaku terhadap struktur sosioekonomi di Singapura dalam tempoh tersebut.

Diaspora Masyarakat Arab ke Singapura, 1820-1942

Diaspora masyarakat Arab yang berlaku di Singapura secara tidak langsung membentuk masyarakat majmuk di wilayah ini. Perkara ini juga dikaitkan dengan beberapa penemuan sejarah seperti penemuan batu bersurat, kedatangan Islam dan mentafsirkan kedatangan awal masyarakat Arab ke Alam Melayu ini sejak kurun ke-13 iaitu semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Kedah (Khairudin Aljunied, 2019). Namun begitu, penghijrahan masyarakat Arab ke Singapura terdiri dari pelbagai teori dan faktor kedatangan berdasarkan kepada tafsiran. Sehubungan itu, kemasukan masyarakat Arab ke Singapura pada peringkat awal adalah melalui Tanah Melayu (Khairudin Aljunied, 2019). Faktor utama yang mendorong penghijrahan masyarakat Arab ke Tanah Melayu adalah faktor ekonomi. Perkara ini diperkukuhkan lagi dengan catatan Abdullah Munsyi bahawa masyarakat Arab adalah komuniti yang berniaga, oleh itu kepesatan Melaka dan Johor sebagai pelabuhan yang sibuk mendorong masyarakat Arab untuk berhijrah ke wilayah ini (MN899.23 ABD. 1849. Abdullah Munsyi). Berdasarkan kepada kenyataan tersebut, kemajuan ekonomi dan peluang dalam perniagaan menyebabkan masyarakat Arab berpindah ke Tanah Melayu dan membentuk komuniti di Singapura pada pertengahan abad ke-19 dan jumlah ini semakin ramai pada penghujung abad ini.

Kedatangan masyarakat Arab ke Singapura ini melibatkan dua fasa. Fasa pertama adalah dalam tempoh 1830-an, iaitu semasa British mula mentadbir Singapura. Dalam tempoh ini, British memerlukan lebih ramai pedagang untuk menampung kepesatan perniagaan. Misalnya pada 1840, seramai 1,019 orang masyarakat Arab yang berdaftar dengan British di Singapura, meningkat kepada 1,341 orang pada 1860 (FCO 141/15135, 1959). Peningkatan ini menunjukkan penghijrahan masyarakat Arab ke Singapura berlaku dengan lebih pesat selepas British membuka petempatan di wilayah ini. Fasa kedua kedatangan masyarakat Arab ke Singapura adalah selepas tempoh Perang Dunia Pertama berakhir iaitu pada 1917-1920.

Tekanan ekonomi yang berlaku akibat Perang Dunia Pertama menyebabkan berlakunya keadaan politik yang tidak stabil sehingga menyebabkan krisis kebulruhan, terutamanya di negara-negara jajahan Turki seperti Yaman, Jordan dan Mesir (Fraser, 2021). Perkara ini menyebabkan semakin ramai masyarakat Arab berhijrah ke negara Islam yang lain, termasuk Singapura dengan harapan mendapatkan kehidupan yang lebih baik berbanding negara asal mereka (Fraser, 2021).

Jadual 1 membincangkan daftar masyarakat Arab di Singapura dalam tempoh 1820 hingga 1940. Berdasarkan jadual tersebut, jumlah kedatangan masyarakat Arab di Singapura sentiasa meningkat sejak 1820. Pada 1840 jumlah masyarakat Arab adalah seramai 1,019 orang meningkat berbanding pada 1820 iaitu seramai 463 orang. Jumlah ini terus bertambah iaitu pada 1880, berlakunya pertambahan, iaitu seramai 1,757 orang. Manakala pada fasa kedua, iaitu selepas berlakunya Perang dunia Pertama, jumlah daftar masyarakat Arab di Singapura meningkat kepada 2,827 orang pada 1920 berbanding 2,092 orang pada 1900 (FCO 141/15135, 1959).

Jadual 1: Jumlah Masyarakat Arab Berdaftar di Singapura, 1820-1940

Tahun	Jumlah (orang)
1820	463
1840	1,019
1860	1,341
1880	1,757
1900	2,092
1920	2,827
1940	3,492

Sumber: IOR/L/PJ/6/573, Straits Settlements Immigration Report; FCO 141/15135, Singapore: census 1957; registration of the population.

Berdasarkan kepada jadual tersebut, peningkatan masyarakat Arab di Singapura berlaku sebanyak dua kali iaitu semasa British mula mentadbir Singapura secara rasmi dan selepas berlakunya Perang Dunia Pertama. Perkara ini membuktikan kedatangan masyarakat Arab ke Singapura disebabkan oleh faktor ekonomi. Kemajuan hasil perdagangan di Singapura secara tidak langsung mengubah landskap sosiomasyarakat di Singapura menjadi kepada sebuah wilayah yang mempunyai masyarakat majmuk. Sehubungan itu, kedatangan masyarakat Arab di Singapura ini menjadi signifikasi yang jelas terhadap perkara yang berkaitan ekonomi. Mereka memainkan peranan yang penting terhadap perkembangan ekonomi Singapura dalam tempoh tersebut.

Peranan Masyarakat Arab Terhadap Ekonomi Singapura

Kepesatan ekonomi yang berlaku di Singapura secara tidak langsung memperlihatkan peranan yang dilakukan oleh masyarakat Arab setelah kedatangan mereka ke wilayah tersebut. Walaupun sektor ekonomi Singapura memperlihatkan perniagaan dan perusahaan komoditi tertentu dimonopoli oleh masyarakat Cina, namun penglibatan masyarakat Arab terhadap ekonomi wilayah ini turut menjadi faktor sokongan yang membantu terhadap perkembangan ekonomi wilayah ini (Turnbull, 2009). Antara peranan yang dilakukan oleh masyarakat Arab terhadap ekonomi Singapura adalah sebagai pengusaha komoditi, pemodal untuk komuniti dan pelabur kerajaan. Peranan yang dilakukan oleh masyarakat Arab ini membuktikan perkembangan ekonomi Singapura bukan hanya melibatkan British dan komuniti Cina semata-

mata, tetapi turut melibatkan bangsa lain. Justeru, tanggapan bahawa ekonomi Singapura berkembang pesat pada hujung 1890-an disebabkan oleh masyarakat Cina adalah tidak tepat.

Pengusaha Komoditi

Antara peranan yang dilakukan oleh masyarakat Arab terhadap ekonomi Singapura adalah penglibatan sebagai pengusaha komoditi penting seperti bijih timah, kapas dan rempah (Chung, 2015). Tindakan ini dilakukan bagi meningkatkan taraf hidup di tempat baharu. Selain itu, perniagaan komoditi ini merupakan perusahaan turun-temurun dan dikembangkan sehingga berjaya didominasi oleh komuniti itu pada awal abad ke-20. Antaranya tindakan yang dilakukan oleh masyarakat Arab di Singapura adalah pengusaha rempah. Kebanyakan masyarakat Arab yang berhijrah ke Singapura ini adalah peniaga yang telah mempunyai perusahaan di Timur Tengah. Oleh itu mereka berhijrah ke Singapura adalah untuk mengembangkan perniagaan mereka melalui perdagangan di rantau ini (Chung, 2015). Justeru, kedudukan Singapura yang strategik antara tengah-tengah laluan Timur dan Barat ini dilihat sebagai kawasan yang sesuai untuk perniagaan rempah (Lim, 2015).

Selain itu, rempah dari Timur Tengah mendapat sambutan yang tinggi dalam kalangan masyarakat Eropah. Sebelum masyarakat Arab berhijrah ke Singapura, perdagangan rempah dikuasai oleh pedagang India. Mereka menjual dengan harga yang tinggi berbanding harga rempah yang dijual oleh pedagang Arab. Misalnya pada 1831, harga rempah yang dijual oleh pedagang India di Singapura adalah \$28 untuk sepikul. Sebaliknya rempah yang dijual oleh pedagang Arab adalah \$20.5 untuk sepikul (IOR/V/17/452, 1832). Oleh itu rempah yang dibawa oleh pedagang Arab ini lebih mendapat sambutan berbanding rempah dari India. Sehubungan itu penghijrahan masyarakat Arab ke Singapura memperlihatkan kegiatan perdagangan rempah mula didominasi oleh masyarakat Arab. Mereka bukan sahaja menjual dengan harga yang rendah, malah rempah yang dibawa juga berkualiti tinggi berbanding rempah yang dibawa oleh pedagang India (Lim, 2015). Perkara ini secara tidak langsung menjadikan Singapura sebagai pelabuhan utama bagi perdagangan rempah pada hujung kurun ke-19.

Jadual 2: Jumlah Nilai Eksport Rempah Singapura ke Eropah, 1820-1920

Tahun	Nilai Perdagangan Rempah (Dollar Selat)
1820	\$13,478
1840	\$22,672
1860	\$39,813
1880	\$47,629
1900	\$54,361
1920	\$62,754

Sumber: CO 273/601/6, Singapore trade and industries: Committee of Enquiry.

Jadual 2 membincangkan nilai perdagangan rempah di Singapura dalam tempoh 1820-1920. Berdasarkan jadual tersebut, nilai perdagangan rempah dari Singapura ke Eropah semakin meningkat sejak 1820. Peningkatan ini berlaku disebabkan perniagaan rempah mula dikuasai oleh masyarakat Arab yang memainkan peranan sebagai pedagang utama di Singapura. Dalam tempoh 10 tahun perniagaan rempah ini dikuasai oleh masyarakat Arab, nilai eksport rempah ke Eropah meningkat dengan mendadak berbanding pada peringkat awal perniagaan ini diceburi oleh komuniti itu. Misalnya pada 1860, nilai rempah yang dieksport ke Eropah adalah sebanyak \$39,813 meningkat dari \$22,672 pada 1840. Perkara ini membuktikan kedatangan masyarakat Arab ke Singapura berjaya mengembangkan perniagaan rempah di

wilayah ini. Jumlah perdagangan rempah ke Eropah ini terus meningkat sehingga 1920 iaitu mencatat sebanyak \$62,754. Oleh itu pada akhir kurun ke-19, Singapura merupakan pengekspor utama rempah bagi perdagangan Eropah.

Perusahaan komoditi yang dilakukan oleh masyarakat Arab ini turut melibatkan perniagaan kain kapas dari Timur Tengah. Pada pertengahan abad ke-19, perniagaan kain kapas semakin mendapat sambutan di Timur Tengah. Kain kapas ini diproses sebagai pakaian dan harganya jauh lebih murah berbanding penggunaan linen atau bulu (Beckert, 2014). Di Timur Tengah, kain kapas telah digunakan begitu meluas bagi menggantikan penggunaan kain linen dan sutera (Beckert, 2014). Sehubungan itu, kedatangan masyarakat Arab ke Singapura menyebabkan mereka turut membawa perusahaan kain kapas ke wilayah ini. Sebahagian daripada mereka bertindak sebagai orang tengah yang mengimport kain kapas ini dari Timur Tengah dan mengeksport kain kapas ini ke Eropah (Booth, 2018). Tindakan yang dilakukan oleh masyarakat Arab ini menyebabkan berlakunya persaingan terhadap perdagangan kain linen yang didominasi oleh pedagang India dan China. Selain itu, harga yang lebih murah berbanding kain konvensional ini menyebabkan kain kapas ini mendapat sambutan yang memberangsangkan, lebih-lebih lagi untuk pasaran Eropah (Booth, 2018).

Oleh itu perdagangan kain kapas di Singapura berjaya meningkatkan jumlah pendapatan yang tinggi untuk wilayah tersebut. Misalnya pada 1890, cukai untuk perniagaan kain kapas adalah sebanyak \$7,219 meningkat kepada \$11,498 pada 1910 (FCO 141/16069, 1915). Peningkatan cukai pendapatan ini selaras dengan peningkatan jumlah kain kapas yang diperdagangkan di Singapura iaitu sebanyak 3,201 *pound bales* pada 1831 meningkat kepada 5,705 *pound bales* pada 1885 (Board of Trade, 1920). Situasi ini menunjukkan kedatangan masyarakat Arab ke Singapura membolehkan perniagaan kain kapas dimonopoli oleh komuniti itu. Perkara ini secara tidak langsung membantu masyarakat Arab meningkatkan taraf ekonomi mereka di wilayah ini. Walaupun perusahaan komoditi kain kapas ini tidak dilakukan secara besar-besaran berbanding dengan getah ataupun bijih timah, namun peranan yang ditonjolkan oleh masyarakat Arab berjaya memberi impak positif terhadap perusahaan komoditi ini. Masyarakat Arab berjaya memainkan peranan sebagai orang tengah bagi perdagangan dua hala antara Singapura dan Eropah membuktikan hasil dari kain kapas mampu memberi pulangan yang lumayan kepada komuniti tersebut di Singapura (Booth, 2018). Oleh itu pada awal kurun ke-20, semakin ramai masyarakat Arab yang mengusahakan perniagaan kain kapas di Singapura.

Pada 1916, sebanyak 17 buah kedai kain kapas yang dibuka di Singapura. Kebanyakan kedai ini dibuka di kawasan Jalan Geylang, berdekatan dengan petempatan masyarakat Arab (CO 1071/358, 1918). Menariknya tentang perusahaan ini adalah, pada peringkat awal, kedai ini hanya menyasarkan komuniti Arab yang menetap di Singapura sahaja. Oleh kerana harga yang kain kapas yang dijual murah dan berkualiti tinggi, perniagaan kain kapas ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat tempatan dan juga orang Eropah itu sendiri. Oleh itu menjelang 1920, semakin banyak kedai kain yang diusahakan oleh komuniti Arab di Singapura (CO 275/103, 1920). Perkara ini menunjukkan penglibatan masyarakat Arab dalam ekonomi Singapura berjaya mengubah landskap sosioekonomi komuniti itu dan wilayah ini (Aljunied, 2007).

Selain itu, perusahaan komoditi yang dijalankan oleh masyarakat Arab di Singapura turut melibatkan sektor perusahaan bijih timah. Kepesatan industri bijih timah di negeri-negeri Melayu seperti Perak, Selangor dan Johor menyebabkan masyarakat Arab melihat sektor ini merupakan peluang untuk mengubah nasib mereka di wilayah ini. Walaupun Singapura tidak memiliki lombong bijih timah, namun komuniti Arab ini meneroka perusahaan bijih timah di Johor dan membawa hasil tersebut ke Singapura untuk diperdagangkan ke seluruh dunia (Nasr, 2024). Pada peringkat awal, penglibatan komuniti Arab dalam sektor bijih timah ini berlaku secara langsung dan melibatkan istana Johor itu sendiri. Hubungan yang baik dengan Sultan

dan pembesar membolehkan komuniti Arab tersebut mendapatkan hak atau pajakan dari Sultan untuk menguruskan perusahaan bijih timah di Johor (Turnbull, 2009).

Perkara ini dapat dilihat semasa Johor ditadbir oleh Sultan Hussain Muazzam Shah (1819-1835), Baginda memajak tanah di Pulau Karimun kepada Syed Akil untuk mengusahakan bijih timah di kawasan Ungar, Buru dan Sugi (CO 882/5/21, 1898). Berdasarkan kepada pajakan itu, hasil bijih timah tu akan dikutip Syed Akil dan sebahagian dibahagikan kepada Sultan dalam bentuk cukai (CO 882/5/21, 1898). Seterusnya, pada 1863, Sultan Hussain turut memberi kepercayaan kepada Syed Akil untuk mengusahakan bijih timah yang terletak di tengah Pulau Karimun iaitu Teluk Lekop (CO 882/5/21, 1898). Peningkatan keluasan kawasan pajakan untuk perusahaan bijih timah ini menyebabkan Sultan Hussain melantik Syed Akil untuk mentadbir Pulau Karimun, terutamanya dari kutipan hasil dan cukai. Oleh itu pada 1871, seramai 84 orang masyarakat Arab dari Singapura yang terlibat dalam perusahaan bijih timah di pulau ini. Hasil tersebut dibawa pulang semula ke pelabuhan di Singapura untuk diperdagangkan (FCO 141/16819. 1887).

Selain itu, penglibatan masyarakat Arab dalam perusahaan bijih timah semakin berkembang semasa Johor diperintah oleh Maharaja Abu Bakar (1868-1895). Peningkatan hasil dagangan bijih timah yang dilakukan oleh Syed Akil menyebabkan Maharaja Abu Bakar meneruskan khidmat masyarakat Arab untuk mengusahakan bijih timah di Johor (FCO 141/15806, 1884). Oleh itu Baginda telah mengurniakan hak pajakan tanah yang luas kepada masyarakat Arab dari Singapura supaya hasil bijih timah dari Johor dapat dipertingkatkan. Pada 1887, Maharaja Abu Bakar berkenan untuk memberi hak pajakan tanah kepada keluarga al-Junied bagi mengusahakan kegiatan bijih timah di Ayer Putih (Chung, 2015). Antara ahli keluarga al-Junied yang terlibat dalam perusahaan bijih timah ini adalah Syed Abdullah Umar al-Junied, Syed Junid Umar al-Junied dan Syed Abu Bakar Umar al-Junied (Chung, 2015). Secara asasnya, hubungan yang erat antara Sultan dan keluarga al-Junied ini menyebabkan Baginda memberi kepercayaan kepada keluarga ini untuk mengusahakan bijih timah di Johor.

Berdasarkan kepada situasi tersebut, penglibatan masyarakat Arab dalam sektor perlombongan bijih timah ini berlaku di peringkat pengurusan. Hubungan yang erat dengan Sultan menyebabkan mereka memperoleh hak pajakan tanah dan mengusahakan bijih timah di Johor. Perkara ini menyebabkan kekayaan yang dimiliki oleh individu tertentu, seperti keluarga al-Junied dan Syed Akil semakin bertambah. Walaupun perusahaan bijih timah ini hanya melibatkan individu tertentu, namun perkara ini membantu masyarakat Arab tu meningkatkan taraf ekonomi mereka kerana sebahagian pengurusan dalam sektor ini seperti kerani, pengurusan stok dan penghantar ke pelabuhan diuruskan oleh masyarakat Arab (Chung, 2015). Oleh itu sektor bijih timah tersebut turut menjadi sektor penting yang melibatkan kegiatan dari masyarakat Arab di Singapura.

Peranan Sebagai Pemodal Komuniti

Penglibatan masyarakat Arab terhadap ekonomi di Singapura turut berkait dengan peranan sebagai pemodal atau bahagian pinjaman kewangan kepada pentadbir British di Singapura dan komuniti Arab itu sendiri. Pinjaman ini diberikan kepada komuniti Arab yang ingin mengusahakan perniagaan di Singapura (Aljunied, 2007). Walaupun begitu, pinjaman yang diberikan kepada masyarakat Arab ini tidak mempunyai faedah yang tinggi seperti *chetti* yang berasal dari India Selatan kerana faktor agama (Aljunied, 2007). Pada awalnya pinjaman perniagaan ini diuruskan oleh individu yang kaya seperti Sheikh Sallim bin Mohamed bin Talib dan keluarga al-Sagoff. Kedua-dua individu ini menjadi penyumbang utama terhadap komuniti Arab yang ingin memulakan perniagaan di Singapura (Aljunied, 2007).

Pinjaman kewangan ini dapat dilihat pada tindakan yang dilakukan oleh Sheikh Salim bagi membantu komuniti Arab di Singapura. Beliau mengeluarkan wang sebanyak S23,400

pada 1902 bagi membantu komuniti Arab memulakan perniagaan (Annual Report, Straits Settlements, 1905). Peruntukan ini diberikan secara pinjaman dengan faedah yang rendah. Selain itu, keluarga al-Sagoff turut memainkan peranan yang penting terhadap perkhidmatan pinjaman kewangan ini. Pada 1903, keluarga al-Sagoff mengeluarkan wang sebanyak \$17,886 bagi membantu peniaga-peniaga kecil Arab di Singapura. Selain itu, keluarga ini turut menyediakan premis perniagaan kepada komuniti Arab dengan kadar sewa yang rendah dari harga semasa iaitu sebanyak \$23 sebulan berbanding harga sewa semasa, iaitu \$58 sebulan (Annual Report, Straits Settlements, 1905).

Pada 1903, komuniti Arab di Singapura mencadangkan supaya sistem bantuan kewangan oleh keluarga Arab yang berpengaruh ini distrukturkan semula bagi memudahkan mereka mendapat pinjaman (Annual Report, Straits Settlements, 1904). Berdasarkan kepada cadangan tersebut, komuniti Arab di Singapura menubuhkan persatuan bagi menjaga kepentingan ekonomi dan sosial dalam kalangan mereka iaitu persatuan Tabung Amanah Muslim. Persatuan ini ditubuhkan pada 1904 dan diketuai oleh Syed Abdul Rahman al-Sagoff (Annual Report, Straits Settlements, 1904). Walaupun begitu, tumpuan utama persatuan ini adalah bagi kegiatan ekonomi dan membantu untuk meningkatkan ekonomi komuniti Arab tersebut. Justeru, pada 1910 persatuan ini membantu memberikan pinjaman kewangan sebanyak \$37,539 kepada masyarakat Arab yang memerlukan untuk perniagaan. Jumlah ini meningkat kepada \$43,116 pada tahun berikutnya (Annual Report, Straits Settlements, 1912). Peningkatan ini menunjukkan kewujudan persatuan ini membantu masyarakat Arab untuk mendapatkan wang bagi memulakan perniagaan di Singapura. Melalui persatuan ini, sistem bantuan pinjaman kewangan untuk masyarakat Arab di Singapura semakin tersusun. Perkara ini secara tidak langsung membantu mempertingkatkan pembangunan ekonomi dalam kalangan komuniti tersebut.

Tindakan yang dilakukan oleh keluarga Arab yang berpengaruh terhadap komuniti tersebut di Singapura ini turut melibatkan bantuan penyediaan premis perniagaan. Keluarga Arab yang berpengaruh ini memiliki aset yang banyak seperti tanah, rumah kedai dan hotel di Singapura. Mereka membeli tanah di Singapura dan sebahagian tanah itu dimajukan sebagai tempat untuk bertani dan dijadikan sebagai gudang bagi tujuan perniagaan (Nasr, 2024). Di samping itu, kebanyakan keluarga Arab yang kaya ini mewujudkan sistem wakaf terhadap aset yang dimiliki oleh mereka. Tanah tersebut digunakan untuk orang Islam dan komuniti Arab. Sistem wakaf adalah perkongsian harta yang dimiliki untuk kegunaan bersama masyarakat Islam yang lain. Sistem ini wujud sejak zaman kedatangan Islam di Melaka dan dikongsi dalam kalangan masyarakat Islam (Aljunied, 2019). Justeru, aset yang dijadikan wakaf ini ditakrifkan sebagai pemangkin terhadap pembangunan ekonomi masyarakat Arab di Singapura.

Antara komuniti Arab yang paling banyak mewakafkan harta dan aset bagi kegunaan orang Arab dan masyarakat Islam di Singapura adalah keluarga al-Sagoff. Aset dan tanah yang diwakafkan ini terdiri dari rumah kedai dan tanah kosong (Aljunied, 2019). Rumah kedai yang diwakafkan ini digunakan untuk tujuan perniagaan dan hasil perniagaan ini didermakan kepada masyarakat Islam yang memerlukan di Singapura (Aljunied). Selain itu, tanah yang diwakafkan ini juga digunakan untuk kepentingan bersama. Misalnya tanah di Kampong Gelam digunakan untuk menanam tanaman kecil-kecilan seperti lada hitam dan cengkkih. Manakala selebihnya dijadikan sebagai masjid dan sekolah untuk kegunaan komuniti Arab dan orang Islam di Singapura (Annual Report, Straits Settlements, 1915).

Jadual 3 membincangkan aset yang diwakafkan oleh keluarga al-Sagoff di Singapura pada 1933. Berdasarkan jadual tersebut, aset al-Sagoff yang diwakafkan ini terdiri dari dua kategori iaitu premis perniagaan dan tanah kosong. Kebanyakan tanah kosong yang dimiliki oleh keluarga al-Sagoff ini dibeli dari pembesar dan pengusaha Cina di Singapura (Annual Report, Straits Settlements, 1934). Sebahagiannya merupakan hadiah dari Sultan dan pembesar Johor. Oleh itu tanah yang dimiliki oleh al-Sagoff terdapat di hampir semua bahagian di

Singapura (Aljunied, 2019). Namun begitu, kebanyakan aset tanah kosong yang dimiliki berada di kawasan Kampong Gelam dan Tanjong Pagar, iaitu tempat asal keluarga ini menetap dan memulakan perniagaan di Singapura (Annual Report, Stratis Settlements, 1934). Sehingga 1933, aset yang diwakafkan oleh keluarga al-Sagoff di Singapura ini mencecah sebanyak S415,210 (Annual Report, Straits Settlements, 1934). Jumlah ini membuktikan sebahagian ekonomi di Singapura, didominasi oleh masyarakat Arab walaupun jumlah mereka tidak ramai berbanding masyarakat Cina dan Melayu di negara ini. Penguasaan dalam sektor tertentu membolehkan komuniti Arab ini mengumpul kekayaan dan membantu meningkatkan ekonomi dalam kalangan mereka.

Jadual 3: Aset yang diwakafkan oleh Keluarga al-Sagoff di Singapura, 1933

Jenis Aset	Kawasan	Keluasan (Kaki Persegi)
Tanah	Lot 1 - 14, St. Gregory Place	5,789
Tanah	No. 13, Cecil Street	6,980
Tanah	No. 4, Robinson Road	4,134
Rumah Kedai	No. 117, Arab Street	860
Rumah Kedai	No. 118, Arab Street	1,695
Tanah	No. 1, Circular Road	6,767
Rumah Kedai	46, Church Street	2,279
Tanah	Lot 662, Tanjong Pagar Road	3,449
Rumah Kedai	No. 3, Sago Street	1,369
Rumah Kedai	No. 25, Sago Lane	1,272
Rumah Kedai	No. 24, Sago Street	1,327

Sumber: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Straits Settlements, 1934. London: H. M. Stationery Office.

Peranan Sebagai Pelabur Kerajaan

Peranan yang ditonjolkan oleh masyarakat Arab terhadap ekonomi Singapura turut melibatkan pelaburan yang dilakukan bersama pentadbir British. Semasa Singapura dalam proses membangunkan ekonomi, pentadbiran British di wilayah ini memerlukan modal yang besar, terutamanya untuk membina infrastruktur seperti jalan menghubungkan pelabuhan, landasan kereta api, rumah kedai dan hotel untuk pelabur antarabangsa (Turnbull, 2009). Justeru, British menjemput beberapa individu yang berpengaruh di Singapura bagi melabur dalam projek kerajaan untuk meringankan beban mereka (IOR/L/AG/18/2/29, 1835). Oleh itu pada 1850-an, ramai individu yang kaya dari komuniti Arab seperti keluarga al-Sagoff dan Al-Kaff terlibat dalam beberapa projek yang dibangunkan oleh British di Singapura (Aljunied, 2019).

Penglibatan Syed Mohamed al-Sagoff dalam pelaburan pentadbiran British di Singapura melibatkan beberapa sektor penting di wilayah ini. Antaranya adalah pembinaan rumah kedai di Geylang. Pada 1834, pentadbiran British merancang untuk membina rumah kedai baharu di Geylang. Namun akibat dari kekurangan modal, mereka menjemput individu yang berpengaruh di Singapura dan al-Sagoff merupakan antara individu yang dijemput tersebut (Annual Report, Straits Settlements, 1836). Penglibatan al-Sagoff dalam projek tersebut melibatkan pelaburan sebanyak \$117,349. Berdasarkan kepada pelaburan tersebut, keluarga al-Sagoff diberi hak rumah kedai itu dari British untuk kegunaan komuniti Arab di Singapura (Annual Report, Straits Settlements, 1836).

Selain itu, al-Sagoff juga terlibat dalam pelaburan hotel di Singapura. Tempoh 1880-an memperlihatkan ekonomi Singapura berkembang dengan rancak. Situasi ini menyebabkan Singapura menerima kehadiran pelabur yang tinggi setiap tahun. Misalnya pada 1884, seramai 29 orang pelabur dari Eropah singgah ke Singapura untuk tujuan perdagangan. Jumlah ini

meningkat berbanding 16 orang pada 1880 (Annual Report, Straits Settlements, 1885). Walaupun kehadiran pelabur ini menunjukkan perkembangan yang baik terhadap ekonomi Singapura, namun timbul masalah yang gagal diatasi oleh pihak pentadbir iaitu kekurangan hotel untuk penginapan. Sehingga 1880, jumlah hotel yang berdaftar dengan British di Singapura adalah sebanyak 12 unit. Jumlah ini termasuk dengan hotel '*first class*' untuk pemimpin kenamaan yang ke Singapura (Annual Report, Straits Settlements, 1885). sehubungan itu, pentadbir British di Singapura membuka kertas cadangan untuk membina sekurang-kurangnya tiga buah hotel '*first class*' pada 1884 (Annual Report, Straits Settlements, 1885).

Bagi membina hotel yang baharu ini British telah berpakat dengan Syed Mohamed al-Sagoff. Keluarga ini diberikan hak pajakan terhadap beberapa bangunan untuk diubahsuai menjadi hotel. Antara hotel yang terkenal dan menjadi signifikan dengan keluarga al-Sagoff adalah Hotel Raffles yang terletak di Bras Basah (Annual Report, Straits Settlements, 1888). Syed Mohamed al-Sagoff mula mendapat pajakan hotel ini pada Mac 1887. Beliau mengubahsuai semula bangunan ini dengan menjadikannya sebagai hotel yang memiliki sepuluh bilik dan mula beroperasi pada 1 Disember 1887 (Annual Report, Straits Settlements, 1888). Pada 1890, al-Sagoff berpakat dengan *Sarkies Brother* untuk mengembangkan perniagaan hotel ini. Tiga bangunan tambahan hotel ini telah dibina dan menjadikannya sebagai hotel terbesar di Singapura dalam tempoh itu. Selain itu, Hotel Raffles ini juga merupakan bangunan pertama di Singapura yang menggunakan elektrik sepenuhnya (Annual Report, Straits Settlements, 1892).

Selain itu, British turut bekerjasama dengan Syed Shaikh Abdul Rahman al-Kaff, iaitu seorang pedagang Arab di Singapura bagi membina infrastruktur baharu di wilayah. Antara infrastruktur yang dibina melalui pelaburan dari beliau adalah jalan raya dan bangunan yang dikenali sebagai '*The Arcade*' atau Arked al-Kaff. Bangunan ini siap dibina sepenuhnya pada 1909 dan menelan belanja sebanyak \$148,850 (Annual Report, Straits Settlements, 1912). Bangunan ini dijadikan sebagai pusat perniagaan utama di Singapura merangkumi hotel, ibu pejabat syarikat dari British iaitu *The Peninsular and Oriental Steam Navigation Company*, *Standard Oil Company* dan *Evatts & Co*. Selain itu, British turut bekerjasama dengan Syed Sheikh Abdul Rahman Al-Kaff untuk membina jaringan jalan raya di kawasan Tanjong pagar dengan peruntukan sebanyak \$23,620 pada 1912 (Annual Report, Straits Settlements, 1912).

Peranan yang ditonjolkan oleh masyarakat Arab terhadap ekonomi Singapura membuktikan penglibatan mereka dalam aspek pembangunan ekonomi wilayah tersebut. Sehubungan itu, perkembangan ekonomi Singapura pada zaman kolonial bukan hanya dimajukan oleh British atau pedagang Cina, tetapi turut melibatkan masyarakat Arab di wilayah tersebut. Walaupun jumlah mereka di Singapura tidak ramai, namun penglibatan komuniti terhadap ekonomi Singapura lebih signifikan dan mempengaruhi ekonomi wilayah ini sehingga 1960-an.

Implikasi Penglibatan Masyarakat Arab dalam Ekonomi Singapura

Penglibatan masyarakat Arab terhadap ekonomi Singapura memperlihatkan berlakunya impak positif terhadap komuniti itu dan perkembangan ekonomi Singapura itu sendiri. Peranan yang ditonjolkan oleh komuniti Arab terhadap perdagangan dan perniagaan di Singapura ini secara tidak langsung menyebabkan berlakunya pertumbuhan ekonomi secara menyeluruh di Singapura (Turnbull, 2009). Perkara ini secara tidak langsung menyebabkan berlakunya peningkatan taraf hidup dalam kalangan masyarakat Arab itu sendiri. Selain itu, penglibatan masyarakat Arab terhadap ekonomi Singapura kebanyakannya adalah berasaskan kepada perniagaan runcit secara langsung. Mereka membuka kedai di sekitar pelabuhan dan kawasan komuniti itu tinggal seperti di Kampong Gelam dan Tanjong Pagar (Annual Report, Straits

Settlements, 1931). Perkara ini menyebabkan berlakunya peningkatan jumlah kedai yang diusahakan oleh masyarakat Arab di Singapura. Sehubungan itu, Gabenor Negeri-Negeri Selat, John Anderson (1904-1910) menyatakan peningkatan jumlah kedai berdaftar ini memberikan pulangan hasil cukai kepada kerajaan. Misalnya pada 1890, jumlah cukai perniagaan yang berjaya dikutip oleh kerajaan adalah sebanyak \$37,229 meningkat kepada \$82,903 pada 1910 (Annual Report, Straits Settlements, 1912).

Selain itu, model perniagaan yang diusahakan oleh masyarakat Arab seperti perusahaan kain kapas dan rempah ratus menyebabkan berlakunya peningkatan aktiviti import dan eksport barangan dari Timur Tengah ke Singapura. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan peranan yang dimainkan oleh masyarakat Arab terhadap ekonomi Singapura ini menambahkan kepercayaan terhadap pedagang dari Timur Tengah untuk berurusan di Singapura (Aljunied, 2019). Oleh itu, masyarakat Arab di Singapura berjaya mendapatkan barangan dari Timur Tengah secara pukal untuk dipasarkan di Singapura. Misalnya untuk perniagaan rempah, masyarakat Arab di Singapura berjaya mengimport komoditi ini dengan jumlah yang banyak untuk diniagakan ke pasaran Eropah (Annual Report, Straits Settlements, 1912). Selain itu, beberapa produk lain seperti kain kapas dan teh turut diimport secara pukal dari Timur Tengah. Perkara ini secara tidak langsung menyebabkan aktiviti import barangan dari Timur Tengah meningkat dengan mendadak sejak penglibatan masyarakat Arab dalam ekonomi Singapura.

Jadual 4: Nilai Perdagangan Import dari Timur Tengah di Singapura, 1840-1920

Tahun	Nilai Import dari Timur Tengah
1840	\$164,270
1850	\$187,921
1860	\$216,290
1870	\$267,032
1880	\$310,421
1890	\$380,694
1900	\$450,219
1910	\$492,796
1920	\$540,617

Sumber: Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Straits Settlements, 1922. London: H. M. Stationery Office.

Jadual 4 membincangkan nilai import barangan dari Timur Tengah untuk pasaran Eropah dalam tempoh 1840-1920. Berdasarkan kepada jadual tersebut, nilai import barangan dari Timur Tengah mula meningkat sejak 1840. Berbanding 1840, hasil import hanya berjumlah \$164,270, meningkat kepada \$187,921 pada 1850. Pada 1880, jumlah hasil import ini terus meningkat iaitu \$310,421. Pada awal abad ke-20, nilai import barangan dari Timur Tengah meningkat dengan ketara \$492,796 pada 1910 dan meningkat kepada \$540,617 pada 1920.

Faktor utama yang menyebabkan peningkatan aktiviti import dari Timur Tengah ini disebabkan oleh masyarakat Arab di Singapura membawa barang secara langsung dari kawasan itu tanpa menggunakan khidmat orang tengah (Lim, 2015). Perkara ini menyebabkan harga barangan yang dijual lebih murah berbanding pedagang dari Cina atau India. Misalnya harga teh yang dijual oleh pedagang India adalah sebanyak \$37 untuk setiap pikul. Pedagang Arab pula menjual dengan harga \$28 untuk setiap pikul pada 1911. Selain itu, teh yang diimport oleh orang Arab di Singapura adalah teh yang berkualiti tinggi berbanding teh dari India (Annual Report, Straits Settlements, 1912). Oleh itu teh yang dijual dari peniaga Arab ini mendapat

sambutan tinggi untuk pasaran Eropah. Perkara ini secara tidak langsung menyebabkan nilai import barangan Timur Tengah meningkat setiap tahun.

Perspektif British terhadap Penglibatan Masyarakat Arab dalam Ekonomi Singapura

Penglibatan masyarakat Arab terhadap ekonomi Singapura telah diberikan perhatian oleh British sejak mereka memperoleh hak ke atas pulau itu. Namun begitu, penglibatan masyarakat Arab terhadap ekonomi Singapura memberi kesan yang positif terhadap perkembangan ekonomi Singapura itu sendiri. Rata-rata pentadbiran British di Singapura mengalu-alukan penglibatan masyarakat Arab terhadap ekonomi Singapura. Misalnya Setiausaha Kolonial Negeri-Negeri Selat, Arthur Young (1906-1911) menyatakan penglibatan masyarakat Arab dalam ekonomi Singapura secara tidak langsung meyakinkan pedagang dari Timur Tengah bahawa ekonomi di Singapura adalah terbuka untuk semua pedagang (FCO 141/15687, 1910). Semasa Singapura masih dimiliki oleh Johor, tumpuan pedagang terhadap wilayah ini hanyalah dari Alam Melayu, sahaja terutamanya dari Borneo dan Pulau Jawa (FCO 141/15687, 1910). Namun setelah masyarakat Arab memainkan peranan sebagai penggerak ekonomi di Singapura, kegiatan perdagangan bertambah kukuh dan aktiviti eksport serta import yang dilakukan di Pelabuhan Singapura melangkaui jarak sehingga ke benua Afrika (Annual Report, Straits Settlements, 1933). Sehubungan itu, British menyatakan penglibatan masyarakat Arab dalam ekonomi Singapura memudahkan urusan perdagangan dan berjaya meletakkan kedudukan Singapura sebagai pelabuhan yang paling sibuk di dunia (FCO 141/15687, 1910).

Selain itu, British turut menyatakan penglibatan komuniti Arab dalam urusan perniagaan dan perdagangan memudahkan mereka kerana masyarakat Arab ini merupakan penggerak terhadap ekonomi Singapura. Komuniti Arab banyak memberi kerjasama kepada pentadbiran kolonial dalam hal-hal ekonomi di Singapura. Gabenor Negeri-Negeri Selat, Laurence Guillemard (1920-1927) menyatakan penglibatan masyarakat Arab dalam ekonomi Singapura telah merancakkan perkembangan ekonomi negara ini. Beliau menyatakan:

“Pentadbiran kolonial melihat masyarakat Arab di Singapura ini sebagai strategi aset ekonomi berdasarkan aktiviti yang dibangunkan oleh mereka. Selain itu, peranan bangsa Arab dalam ekonomi Singapura ini turut melibatkan sebagai ‘kantung kewangan’ kerana sebahagian mereka memainkan peranan sebagai menjadi pelabur terhadap pentadbiran British di Singapura” (FCO 141/15972. 1921).

Justeru, kenyataan oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat menguatkan hujah bahawa penglibatan masyarakat Arab terhadap ekonomi Singapura ini menjadi signifikan terhadap perkembangan ekonomi wilayah ini.

Selain itu, pentadbiran British Singapura turut menyatakan kepentingan penglibatan masyarakat Arab terhadap ekonomi Singapura adalah sebagai penghubung dengan Sultan dan masyarakat Melayu di Singapura. Melalui masyarakat Arab, British dapat berhubung secara langsung dengan Sultan dan pembesar mengenai beberapa perkara seperti hak milikan tanah serta cukai perniagaan di Singapura (FCO 141/15687, 1910). Perkara ini memudahkan pentadbiran British menggubal dasar yang berkaitan dengan ekonomi di Singapura. Justeru ~~itu~~, British menggunakan khidmat orang Arab yang berpengaruh dan mempunyai hubungan yang rapat dengan Sultan seperti Syed Mohamed al-Sagoff untuk urusan berkaitan dengan istana. Gabenor Negeri-Negeri Selat, John Anderson (1904-1911) menyatakan al-Sagoff mempunyai pengalaman yang luas tentang Sultan dan pembesar Johor. Beliau juga telah membantu British dalam mengruskan hal ehwal ekonomi Singapura dengan baik (FCO 141/15687, 1910).

Kesimpulan

Secara konklusinya, kedatangan masyarakat Arab ke Singapura ini menjadi faktor pemangkin terhadap kepesatan ekonomi yang dicapai oleh Singapura. Penglibatan masyarakat Arab terhadap ekonomi wilayah ini merangkumi perusahaan yang dilakukan membabitkan komoditi seperti bijih timah, kapas, dan rempah. Penguasaan terhadap komoditi tersebut secara tidak langsung berjaya menamatkan monopoli peniaga tertentu dalam perniagaan yang diusahakan. Misalnya penglibatan masyarakat Arab dalam perniagaan rempah dan kapas ini berjaya menamatkan monopoli pedagang India terhadap perusahaan komoditi ini. Perkara ini menjadikan eksport rempah dari Singapura ke pasaran Eropah semakin meningkat. Selain itu, peranan masyarakat Arab sebagai orang tengah dalam sektor perdagangan ini menjadikan pelabuhan Singapura sebagai pelabuhan yang menyediakan pelbagai barang dari seluruh dunia, terutamanya untuk pasaran Eropah yang memerlukan rempah, teh dan kain kapas dari Timur Tengah. Sehubungan itu, perkara ini menjadikan komuniti Arab antara komuniti yang berpengaruh di Singapura. Walaupun jumlah mereka tidak ramai berbanding masyarakat Cina, namun penguasaan terhadap komoditi tertentu menjadikan orang Arab ini lebih berpengaruh berbanding dengan masyarakat lain di Singapura.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan *MINDEN Journal of History and Archaeology*, Program Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia kerana memberi galakan dan panduan yang sempurna dalam membantu penulisan ini.

Rujukan

- Abdullah Zakaria. 1997. *Istana dan Politik Johor, 1835-1885*. Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu.
- Aljunied, Syed Muhd Khairudin. 2007. "The Role of Hadramis in Post-Second World War Singapore - A Reinterpretation". *Immigrants & Minorities*. 25 (2): 163–183
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Straits Settlements, 1905. London: H. M. Stationery Office.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Straits Settlements, 1912. London: H. M. Stationery Office.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Straits Settlements, 1915. London: H. M. Stationery Office.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Straits Settlements, 1836. London: H. M. Stationery Office.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Straits Settlements, 1885. London: H. M. Stationery Office.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Straits Settlements, 1888. London: H. M. Stationery Office.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Straits Settlements, 1892. London: H. M. Stationery Office.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Straits Settlements, 1931. London: H. M. Stationery Office.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Straits Settlements, 1922. London: H. M. Stationery Office.
- Beckert, S. 2014. *Empire of Cotton: A New History of Global Capitalism*. London: Penguin Books Ltd.

- Board of Trade. 1920. *Report to the Board of Trade of the Empire Cotton Growing Committee*. London: Government Print.
- Booth, A. 2018. *Colonial Legacies: Economic and Social Development in East and Southeast Asia*. Monash: Monash University Press.
- Chung, S. P. Y. 2015. *Transcending borders: The story of the arab community in Singapore, 1820-1980s*. London: Routledge Inc.
- Chung, S. P.Y. 2018. "Creating 'Family' Networks across Time and Space: The Alsagoffs in Singapore, 1824-2009". *Modern Asia Studies*, (52) 2.
- CO 1071/358. 1918. Annual Reports of Straits Settlements.
- CO 273/601/6, Singapore trade and industries: Committee of Enquiry.
- CO 275/103. 1920. Annual Reports of Straits Settlements.
- CO 882/5/21. 1898. Straits Settlements: 'Report of the Johore Boundaries Commission.' Reports by the Johore Boundary Commissioners to the Colonial Office, with a letter from the Colonial Office.
- FCO 141/15135. 1959. Singapore: Census 1957; Registration of the Population.
- FCO 141/15687. 1910. Singapore: Various Instructions to Governors of the Straits.
- FCO 141/15806. 1884. Singapore: Reports on Seyd Mohamed Alsagoff, who accompanied the Maharaja of Johore on his visit to Java.
- FCO 141/15972. 1921. Settlements Singapore: Statement made by the Governor of the Straits Settlements in the Legislative Council on the Position of the Rubber Industry.
- FCO 141/16069. 1915. Singapore: HM Treasury Circulars Concerning the Granting of Credit facilities for trade with neutral countries.
- FCO 141/16819. 1887. Singapore: Application by the Sultan of Johore for grant of land on site of old goal.
- Fraser, T. G. 2021. *Contested Lands: A History of the Middle East from the First World War to the Present*. London: Haus Publishing.
- IOR/G/34/10. 1823. Copy letter from Raffles to Governor-General: future management of Singapore.
- IOR/F/4/1271/51002A. 1830. Return of population censuses for Singapore and environs.
- IOR/L/AG/18/2/29. 1835. Revenue and expenditure at Singapore, Accounts of the Financial Secretary's Office.
- IOR/V/17/450. 1832. Singapore Commerce and Shipping Statements.
- Kwa, C. G. 2021. 1819 and Before: Singapore's Pasts. Singapore: ISEAS Institute.
- Lim, Y. C. 2015. *Singapore's Economic Development, Retrospection and Reflections*. New York: W. S. Publishing.
- Mandal, S. K. 2018. *Becoming Arab Creole Histories and Modern Identity in the Malay World*. London: Cambridge University Press.
- Mathews, M. 2017. *Singapore Ethnic Mosaic, The: Many Cultures, One People*. Singapore: WS Publishing Company.
- Mattar, Y. 2004. "Arab Ethnic Enterprises in Colonial Singapore: Market Entry and Exit Mechanisms 1819-1965", *Journal Asia Pacific Viewpoint*, Volume 45 (2), 165-179, 2004.
- MN899.23 ABD. 1849. *Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi, Hikayat Abdullah*, Jakarta: Penerbit Jambatan dan Gunung Agung, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Nasional Malaysia.
- Mohammad Redzuan Othman, "The Arabs Migration and Its Importance in the Historical Development of the Late Nineteenth and Early Twentieth Century Malaya", *World History Association, 15th Annual International Conference, California State University, 22-25 June 2006*.

- Nasr, Omar. 2024. *Hadhrami Arabs in Britain's Policy Towards Muslims in Malaya Before the Japanese occupation, 1939-1941*. London: LSE Prints.
- Rai, R. 2014. *Indians in Singapore, 1819-1945: Diaspora in the Colonial Port-city*. London: Oxford University Press.
- Ranke, L.v. & Iggers, G. G. 2010. *The Theory and Practice of History*. London: Taylor & Francis.
- Talib, Ameen. 2023. "Sustaining Relationships Between Diaspora and Homeland: The Case of Singapore Hadhramis". *Journal of Social Research*, 2 (5). 2023.
- Trcocki, C. A. 2007. *Prince of Pirates: The Temenggongs and the Developments of Johor and Singapore*. NUS Press.
- Turnbull, C. M. 2009. *A History of Modern Singapore, 1819-2005*. Singapore: NUS Press.